

04 JUN 1996

Mahathir-Pengguna

SEMUA PIHAK HARUS SEDAR KAITAN RAPAT PENGGUNA DAN PEMBEKAL

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perjuangan pengguna akan lebih bermakna dan lebih berhasil jika semua pihak sedar dan faham kaitan yang rapat antara pengguna dan pembekal.

Perdana Menteri berkata semua pihak perlu sedar dan faham bahawa pengguna dan pembekal adalah orang yang sama.

"Pembekal sesuatu khidmat atau barangan tetap menjadi pengguna kepada banyak perkhidmatan dan barangan yang lain.

"Seperti sebagai pengguna dia tidak suka haknya dicabul, iaitu barangan yang dibekal tidak menepati standard atau harga yang dijanji, seperti itu jugalah sebagai pembekal dia tidak boleh harap pengguna barangan atau perkhidmatannya berpuashati dengan bekalan yang tidak menepati standard," katanya.

Dr Mahathir berucap merasmikan Hari Pengguna Sedunia 1996 dan melancarkan Pertandingan Keluarga Hidup Selesa di Dewan Maktamar, Pusat Islam di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, terlalu ramai yang menganggap diri mereka sebagai pengguna sahaja tanpa sedikitpun menyedari bahawa mereka juga adalah pembekal.

"Mungkin kita percaya kita tidak mengeluarkan apa-apa untuk dijual kepada sesiapa. Mungkin secara langsung tidak. Tetapi secara tidak langsung, dengan kesan yang bukan sedikit, kita menjual khidmat atau barangan sekurang-kurangnya kepada majikan yang membayar upah kepada kita," katanya.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, jika seorang kerani dalam pejabat kerajaan tidak cergas dan cekap dalam memproses atau menaip surat, kelewatan itu mempunyai kesan kepada bekalan khidmat kepada pengguna.

Ini kerana kerani itu sebenarnya menjual khidmatnya kepada kerajaan dan kerajaan pula membekalkan khidmatnya kepada orang ramai, kata beliau.

Katanya, kelewatan itu akan menjadikan kerajaan tidak efisien dan meningkatkan kos sehingga akhirnya kedua-dua pengguna dan pembekal yang rugi kerana pengguna tidak mendapat haknya manakala pembekal terpaksa menanggung kos yang tinggi.

"Jika kita dapat ingat sepanjang masa bahawa kita semua adalah pembekal dan bertanggungjawab kepada diri kita sendiri sebagai pengguna, maka hak kita sebagai pengguna akan terpelihara sepanjang masa.

"Jika hari ini pengguna berasa hak mereka tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya, sebabnya ialah kerana kita hanya melihat diri kita sebagai pengguna dan lupa akan tanggungjawab kita sebagai pembekal," katanya.

Mengenai inflasi, Perdana Menteri berkata, antara punca utama ialah tabiat mengguna secara keterlaluan dan bukannya kenaikan harga barangan atau perkhidmatan yang diiringi peningkatan kualiti.

Katanya, walaupun pengguna memiliki wang yang banyak, mereka masih perlu berbelanja dengan bijak bagi mengelakkan inflasi.

"Adalah lebih baik kita membeli lebih banyak jenis barangan atau khidmat yang berharga berpatutan daripada membeli sesuatu barangan tanpa mengambil kira harga semata-mata kerana kita mampu membayar apa juga harga yang disebut," katanya.

Dr Mahathir berkata pengguna tidak tertipu jika kenaikan harga disertai dengan peningkatan kualiti kerana mustahil mereka dapat menikmati kualiti lebih baik tanpa kenaikan harga.

"Tetapi jika kualiti sama atau hasil kerja kita adalah sama, kenaikan harga atau upah bermakna inflasi.

"Kita tidak akan menikmati kualiti hidup yang lebih baik walaupun

perbelanjaan atau upahan lebih tinggi. Inilah yang patut ditentang oleh pengguna," katanya.

Terdahulu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar berkata, kementerian itu bercadang untuk menubuhkan Institut Pengguna yang berperanan khusus untuk mengkaji, merancang, melaksana dan menilai aktiviti kepenggunaan secara menyeluruh.

Katanya institut itu akan memberi input kepada penggubalan dasar bagi menangani isu-isu kepenggunaan di negara ini. -- BERNAMA

AH MAI